

## LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK

### Pelanggan yang dihormati,


Lembaran Penzahiran Produk ("LPP") ini mengandungi maklumat utama mengenai Kad Komersial.

Sila baca dokumen LPP ini dengan teliti untuk memahami ciri-ciri utama produk sebelum membuat keputusan

Citibank Berhad  
(No. Pendaftaran 199401011410  
(297089-M))  
Kad Komersial Citibank



Tarikh: 1 Apr, 2026

|                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>1. Apakah itu Kad Komersial?</b><br>Kad Komersial Citibank Berhad (" <b>Bank</b> ") ialah kad caj yang digunakan untuk memudahkan perbelanjaan perjalanan perniagaan dan hiburan pekerja, serta pembayaran syarikat untuk barangan dan perkhidmatan kepada peniaga yang mengambil bahagian, sama ada di dalam atau di luar negara. Ini adalah kad caj, bukan kad kredit pusingan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| <b>2. Ketahui Tanggungjawab Anda</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Baki tertunggak mesti diselesaikan sepenuhnya pada tarikh akhir dan tiada faedah akan dikenakan.</li><li>Syarikat bertanggungjawab sepenuhnya ke atas jumlah baki tertunggak setiap akaun kad yang dikeluarkan oleh Bank kepada setiap orang yang layak ("Pemegang Kad") yang ditetapkan oleh Syarikat.</li></ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | <b>Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:</b><br> <b>Baca dan fahami terma-terma penting</b> dalam kontrak sebelum menandatangani.                                                                                                                                                                                                                                                    |
| <b>Anda mesti membayar caj dan fi berikut:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Fi keahlian tahunan: Dikecualikan (Standard: RM100)</li><li>Fi penukaran transaksi luar negara: Urus niaga yang dibuat di luar Malaysia akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar penukaran semasa seperti yang ditentukan oleh Bank dan/atau VISA International, MasterCard International atau Rangkaian Pembayaran Kad yang berkaitan ("Rangkaian Pembayaran") pada tarikh caj diproses. Penukaran ini akan merangkumi sebarang caj yang dikenakan oleh Rangkaian Pembayaran serta tokok (<i>markup</i>) penukaran pertukaran asing sebanyak 1.0% oleh Bank.</li><li>Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sebanyak RM25 akan dikenakan ke atas setiap akaun bil dan/atau akaun kad.</li><li>Duti setem seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Duti Setem 1949 (tertakluk kepada pindaan dari masa ke masa).</li></ul> <p>(Caj dan fi boleh disemak semula dari masa ke masa dan Bank akan memberikan notis terlebih dahulu tentang sebarang perubahan)</p> |  <p>Selesaikan bayaran bulanan anda tepat pada masanya dan sepenuhnya untuk setiap bulan.</p><br> <p><b>Hubungi kami dengan segera</b> jika anda tidak dapat memenuhi tanggungjawab anda, mendapati bahawa kad anda telah dicuri atau mengesyaki transaksi yang tidak dibenarkan telah dibuat.</p> |

### 3. Ketahui Risiko Anda

#### Apa yang berlaku jika anda gagal memenuhi kewajipan anda:

- Fi pembayaran lewat: 1.5% sebulan ke atas baki tertunggak yang perlu dibayar pada setiap tarikh akhir pembayaran. (Fi ini boleh disemak semula dari semasa ke semasa dan Bank akan memberikan notis terlebih dahulu tentang sebarang perubahan)
- Hak untuk tolak selesai (*set-off*): Bank berhak, tertakluk kepada notis makluman awal minimum 7 hari sebelum kejadian, untuk menolak selesai (*set-off*) sebarang baki kredit dalam akaun Syarikat yang diselenggara dengan Bank. Tolak selesai (*set-off*) ini boleh digunakan terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun kad caj ini ("**Akaun**"), tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian Kad.
- Liabiliti untuk penggunaan akaun: Syarikat bertanggungjawab ke atas semua jumlah yang dicaj kepada Akaun, termasuk sebarang caj dan fi yang berkenaan. Ini termasuk jumlah yang timbul daripada (i) penggunaan Akaun yang dibenarkan, (ii) kehilangan atau kecurian mana-mana maklumat Akaun, atau (iii) penggunaan Akaun atau maklumat Akaun yang tidak dibenarkan oleh Syarikat, Pemegang Kad atau mana-mana pihak ketiga. Jika Syarikat atau Pemegang Kad percaya caj yang dikenakan adalah hasil daripada penipuan atau penggunaan yang tidak dibenarkan, Bank menyediakan proses pertikaian mengikut peraturan dan prosedur Persatuan Kad.

### 4. Terma Utama Lain

- Jika Bank menyediakan pendahuluan tunai, had perbelanjaan Pemegang Kad (sebahagian atau keseluruhan) akan tersedia untuk pendahuluan tunai di mesin teler automatik ("ATM") dalam bidang kuasa negara yang menerima penggunaan kad tersebut. Agregat kemudahan pendahuluan tunai untuk Syarikat tidak boleh melebihi lima puluh peratus (50%) daripada had perbelanjaan Syarikat. Selain daripada mendapatkan pendahuluan tunai di ATM, Pemegang Kad juga boleh menerima pendahuluan tunai daripada institusi kewangan yang menerima penggunaan kad tersebut. Ini tertakluk kepada sekatan/undang-undang tempatan, polisi institusi kewangan tersebut dan jumlah had pendahuluan tunai yang tersedia oleh Pemegang Kad.
- Maklumat dalam LPP ini terpakai kepada Pelanggan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sahaja. Bagi Pelanggan Korporat, sila hubungi pihak Bank untuk maklumat lanjut.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan berkenaan kad komersial anda, anda boleh:



Hubungi kami di  
+603-2383 2056



E-mel kami di  
customerservice.commcards@citi.com



Hubungi Pengurus  
Perhubungan (RM)  
anda

#### Akuan Pelanggan\*

Sila pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan memahami apakah tujuan anda menandatangani

- ☐ Saya mengakui bahawa Citibank Berhad telah memberikan saya sesalinan LPP.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam LPP ini

*\* Akuan pelanggan terhadap LPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian jika terdapat sebarang pertikaian berkaitan terma dan syarat produk di masa hadapan.*

Nama: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Bagi pihak [nama syarikat]: \_\_\_\_\_